



KENYATAAN MEDIA

Penghormatan Terakhir dan Istiadat Pemakaman Allahyarham Tengku Besar Terengganu (Fatimah @ Sharifah Nong Alsagoff binti Abdillah)

Menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu, dukacita dimaklumkan bahawa dengan kehendak Allah Subhanahu Wata'ala, Yang Teramat Mulia Tengku Besar Terengganu (Fatimah @ Sharifah Nong Alsagoff binti Abdillah), Bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan telah kembali ke rahmatullah pada hari ini, Khamis, 16 Muharam 1445 bersamaan 3 Ogos 2023 jam 3.17 pagi di Kuala Lumpur.

Penghormatan terakhir dan Istiadat Pemakaman Allahyarham Tengku Besar Terengganu (Fatimah @ Sharifah Nong Alsagoff binti Abdillah) adalah sebagaimana berikut:-

3 Ogos 2023 bersamaan 16 Muharam 1445 (Khamis)

- Jam 1.00 petang - Jenazah dijangka tiba di Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Nerus dengan Pesawat Khas;
- Jenazah akan dibawa ke Istana Al-Muktafi Billah, Kuala Terengganu dengan kereta jenazah;
 - Penghormatan terakhir.
- 4.00 petang - Jenazah akan dibawa ke Masjid Al-Muktafi Billah Shah, Ladang, Kuala Terengganu dengan Seraja DiRaja;
- Solat Asar;
 - Solat Jenazah;
 - Jenazah akan dibawa ke Makam DiRaja Masjid Al-Muktafi Billah Shah, Ladang, Kuala Terengganu;
 - Istiadat Pemakaman.
 - Bersurai.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan juga telah mengampuni perkenan tempoh berkabung selama lima (5) hari mulai pada hari ini, 3 Ogos 2023 sehingga 7 Ogos 2023.

Peraturan Pakaian

- a) Lelaki Melayu beragama Islam hendaklah memakai 1 inci lilitan kain putih pada songkok;
- b) Lelaki bukan beragama Islam hendaklah memakai 1 inci lilitan kain putih pada songkok serta memakai selilit kain hitam selebar 3 inci di lengan baju sebelah kiri dan memakai tali leher berwarna hitam.

- a) Perempuan Melayu beragama Islam hendaklah memakai tudung berwarna putih.
- b) Perempuan bukan Islam hendaklah memakai selilit kain hitam selebar 3 inci di lengan.

Majlis Tahlil akan diadakan selama lima (5) malam berturut-turut di Balai Islam, Istana Syarqiyyah, Kuala Terengganu sebagaimana berikut:-

Aturcara Tahlil (Malam Pertama)

Jam 8.15 malam - Ketibaan Dif;
8.38 malam - Solat Isyak;
- Bacaan Yaasin;
- Tahlil;
- Selawat;
- Jamuan;
- Bersurai.


Aturcara Tahlil (Malam Kedua – Malam Kelima)

Jam 7.00 malam - Ketibaan Dif;
7.25 malam - Solat Maghrib;
- Bacaan Yaasin;
- Tahlil;
- Jamuan;

8.38 malam - Solat Isyak;
- Selawat;
- Bersurai.

Sekian.

Yang menjunjung titah,


(DATO' HAJI MOHD SOPHIAN BIN ABU BAKAR)